


UMS patuhi tata kelola urus dana RM3 juta dalam isu air - KPT

Oleh **Izwan Abdullah** - Januari 13, 2024 @ 1:15pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud (kanan) membuka pili air di projek telaga tiub dan sistem air graviti yang sudah siap dibina tahun lepas menggunakan sumber dalaman Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kolej Kediaman Tun Ahmad Raffae, UMS, di sini, hari ini. NSTP/MOHD ADAM ARININ

KOTA KINABALU: Tiada sebarang unsur ketirisan atau kegagalan pematuhan tatakelola dalam penggunaan peruntukan RM3 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada Mei tahun lalu bagi menangani masalah air di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, berkata peruntukan itu diurus oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), manakala UMS hanya sebagai pelaksana.

Katanya, wang itu digunakan bagi membiayai pembinaan enam telaga tiub yang akan dilaksanakan dua syarikat kontraktor dengan pembayaran kerja dibuat oleh ICU dan bukannya melalui UMS.

"Saya mahu beritahu bahawa tiada unsur yang tidak memenuhi tatakelola dalam isu penggunaan bajet ini. Ia memang digunakan sebaiknya mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan," katanya.

Beliau ditemui media selepas mendengar taklimat mengenai situasi masalah air dan projek pembinaan telaga tiub di UMS, di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kasim Md Mansor.

Taklimat daripada Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS serta pakar geologi itu dibuat susulan lawatan Mustapha bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada Isnin lalu.

Mustapha berkata, isu air di kampus universiti itu menjadi perhatian nasional dan Kementerian Pendidikan Tinggi diarah meletakkannya sebagai keutamaan untuk diselesaikan.

Katanya, hasil pembentangan oleh pihak pembangunan UMS dan pakar geologi, beliau sudah mendapat bayangan apa yang harus dilaksanakan untuk projek membina telaga tiub menggunakan peruntukan RM3 juta itu mengikut jangka masa yang ditetapkan.

"Hasil kajian pakar geologi setakat ini, empat sumber air dikenal pasti daripada enam yang dicari untuk membina telaga tiub dan selepas ini proses penggerudian akan dibuat secepat mungkin.

"Selepas penggerudian selesai dan air bawah tanah yang terhasil mencukupi, barulah kita beralih untuk memasang sistem penapisan dan perpaipan ke kolej kediaman pelajar.

"Ini yang akan dibuat, jadi saya menggesa semua pihak melaksanakan kerja ini dengan baik dan pastikan projek ini disiapkan mengikut kontrak yang ada kerana ini adalah projek yang perlu disegerakan," katanya.

Katanya, perkembangan pelaksanaan projek itu yang dijadual siap pada Mac depan akan dipantau setiap minggu dan beliau akan membawa laporannya kepada Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum dibentang ke Kabinet.

Beliau berkata, setakat ini empat sumber air bawah tanah yang dikenal pasti itu akan diusahakan untuk penggerudian di samping dua lagi sumber perlu dicari bagi melengkapkan enam telaga tiub yang dibiayai menggunakan peruntukan RM3 juta itu.

Beliau bagaimanapun berkata, enam telaga tiub itu, selain satu telaga tiub sedia ada yang sudah beroperasi menggunakan dana dalaman UMS, belum mencukupi untuk menampung keperluan kira-kira 20,000 populasi UMS.

Katanya, UMS memerlukan lima juta liter air sehari (MLD), namun projek itu dijangka hanya mampu menyediakan 1.5 MLD.

"Kita masih bergantung kepada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk menyelesaikan masalah ini pada jangka masa panjang. Projek telaga tiub dan usaha yang diambil UMS ketika ini hanya bersifat jangka pendek," katanya.